



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS 02/2010

NOTIS KEPADA OPERATOR JETI PERSENDIRIAN, EJEN PERKAPALAN, PEMILIK KAPAL, NAHKODA, MALIM PELABUHAN, OPERATOR VESEL, DAN KOMUNITI PELABUHAN

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN KESELAMATAN PELAYARAN DI SEPANJANG SUNGAI LANGAT DAN OPERASI BARTER TRADE DI DALAM DAERAH PEMALIMAN PELABUHAN KLANG

1. Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa kes dimana baj-baj yang panjangnya melebihi 100 meter berlabuh di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan terutamanya di Selat Lumut, Bagan Hailam dan Sg. Langat.
2. Pantauan mendapati baj-baj tersebut dilabuhkan dalam keadaan yang tidak selamat kerana hanya ditambat pada pokok-pokok bakau dan dilabuhkan secara bergandingan yang mana boleh menimbulkan risiko baj dihanyutkan. Keadaan sebegini juga telah menimbulkan beberapa masalah lain antaranya rungutan daripada pemilik-pemilik restoran / bangunan berdekatan, kerosakan kepada tebing-tebing sungai dan tumbuhan semulajadi serta gangguan kepada keselamatan pelayaran.
3. Selain dari itu, mulai 1 Mac 2000 semua vesel yang bergerak didalam Daerah Pemaliman Pelabuhan Klang telah diwajibkan membuat pelaporan kepada Menara Kawalan Trafik VTMS. Vesel-vesel yang bergerak masuk atau keluar pelabuhan melalui Alur Selatan Pintu Gedong atau Alur Utara Pulau Angsa telah mematuhi keperluan-keperluan pelaporan yang ditetapkan.
4. Namun didapati tahap pelaporan dikalangan vesel-vesel yang bergerak masuk atau keluar dari jeti-jeti persendirian di sepanjang Sg Langat yang juga terletak didalam Daerah Pemaliman Klang adalah tidak memuaskan. Laporan pelanggaran, kes vesel kandas serta pergerakan vesel yang mencurigakan sering diterima. Begitu juga vesel-vesel yang menuju masuk keluar Kompleks Barter Trade di Sg. Klang yang juga tidak membuat sebarang pelaporan apabila sampai di pintu masuk pelabuhan di Pintu Gedong.
5. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan pelayaran di kawasan perairan had pelabuhan, beberapa langkah akan dikuatkuasakan seperti berikut:

- i. Vesel dan baj hanya dibenarkan berlabuh di kawasan-kawasan yang ditetapkan iaitu di Deep Water Point (Utara), Deep Water Point (Selatan), Deep Water Point (Simpanan), Northshore Anchorage dan kawasan labuhan di Kuala Sg. Langat tertakluk kepada panjang dan deraf vessel;
 - ii. Semua vesel termasuk bot Barter Trade diwajibkan membuat pelaporan ketibaan ke Port Klang Trafik melalui Channel 12 apabila sampai dipintu masuk pelabuhan samada di Pintu Gedong, Pulau Angsa atau Kuala Sg. Langat atau sebelum berangkat keluar dari jeti/dermaga;
 - iii. Semua agen-agen perkapalan yang mengendalikan vesel dijati-jeti persendirian dikehendaki membuat pendaftaran dengan LPK ;
 - iv. Semua vesel diwajibkan menggunakan perkhidmatan malim yang disediakan. Namun LPK boleh mempertimbangkan permohonan untuk pengecualian pemaliman sekiranya vesel-vesel di lengkapi dengan **peralatan Automatic Identification Transponder System (AIS) serta nahkoda mempunyai pengetahuan tentang perairan tempatan**;
 - v. Pendaftaran ejen perkapalan dan butiran vesel hendaklah dibuat menggunakan borang di **Lampiran A**.
6. Sekiranya vessel-vesel seperti yang dimaksudkan di atas tiada kelulusan pengecualian pemaliman, maka perkhidmatan malim yang disediakan oleh Northport (M) Bhd dan Westport Malaysia Sdn. Bhd wajib digunakan.
 7. Nahkoda, pemilik atau ejen yang bergerak tanpa kelulusan pengecualian pemaliman yang sah atau tanpa menggunakan perkhidmatan malim yang disediakan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 5,000.00 sekiranya tersabit kesalahan serta dikehendaki membayar caj pemaliman sewajarnya mengikut kadar yang ditetapkan.
 8. Notis ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2011**.
 9. Sebarang pertanyaan berhubung notis ini hendaklah ditujukan kepada Pengurus Gerakan Merin LPK ditalian 03-31688211 /012-2779126 /email:subra@pka.gov.my atau Penyelia Port Klang Trafik ditalian 03-31011512 / email:vtms@pka.gov.my.

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang
08 Disember 2010

1. MAKLUMAT EJEN

NAMA SYARIKAT

ALAMAT

TEL / FAX

EMAIL

NAMA PEGAWAI PERHUBUNGAN

2. MAKLUMAT VESEL

Bil	NAMA VESEL	LOA	GT	JENIS VESEL	STATUS AIS*
				KAPAL/TUG/BOT/BARJ	(DIPASANG /TIDAK DIPASANG)

* SALINAN REKOD/ SIJIL PEMASANGAN AIS HENDAKLAH DISERTAKAN